

UJIAN AKHIR TAHUN

BAHAGIAN A

(20 markah)

Jawab semua soalan. Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Istilah sejarah berasal daripada bahasa Arab "syajaratun" yang bermaksud
 - A akar.
 - B daun.
 - C pokok.
 - D bunga.
2. Maksud masa silam ialah
 - A urutan peristiwa yang telah berlaku.
 - B kisah perjalanan hidup seorang tokoh.
 - C kisah pengembaraan seorang pengembara.
 - D penceritaan tentang sesebuah masyarakat.
3. Bahan-bahan tinggalan sejarah yang sering ditemui dalam kaedah arkeologi ialah
 - I fosil.
 - II tanah.
 - III bahan letupan.
 - IV bahan binaan batu.
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
4. Pernyataan di bawah menunjukkan tokoh yang menyatakan teori kesan kemunculan Zaman Air Batu.



Apakah teori yang dikemukakan oleh beliau?

- A Setiap kali bumi menghampiri matahari, suhu bumi menjadi sejuk dan menyebabkan berlakunya zaman air batu.
- B Salji menjadi mampat dan membentuk air batu.

- C Suhu dunia meningkat dan menyebabkan kecairan air batu.
 - D Setiap kali bumi menghampiri matahari, suhu bumi menjadi panas dan menyebabkan berlakunya kecairan air batu.
5. Persamaan yang terdapat dalam kalangan masyarakat yang tinggal di Asia Tenggara ialah
 - I makanan.
 - II pakaian.
 - III bahasa.
 - IV budaya.
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
 6. Lokasi petempatan Zaman Prasejarah boleh dikesan di
 - I kepulauan.
 - II dalam gua.
 - III lembah sungai.
 - IV persisiran pantai.
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
 7. Pada Zaman Logam, masyarakat mula mementingkan nilai _____ dalam penghasilan peralatan harian mereka.
 - A murni
 - B estetika
 - C keuntungan
 - D kemanusiaan
 8. Mudun, Madain, dan Madana membawa maksud
 - A kemajuan dalam masyarakat.
 - B tinggi budi bahasa dan pembukaan bandar.
 - C petempatan masyarakat.
 - D kewujudan bandar atau kota.
 9. Apakah tajuk buku Ibn Khaldun yang menyentuh tentang tamadun?
 - A *A Study of History*
 - B *Historical Fact and Fiction*
 - C *Madaniyyah*
 - D *Muqqadimah*

10. Manakah antara berikut, merupakan kepentingan tulisan dalam masyarakat tamadun awal?
- Untuk menyimpan rekod
 - Sebagai identiti tamadun
 - Untuk melancarkan komunikasi
 - Sebagai lambang keagungan tamadun
11. Mengapakah Sungai Nil dikatakan sebagai hadiah daripada Sungai Nil kepada Mesir?
- Menghubungkan antara satu kawasan dengan kawasan lain
 - Memendekkan jarak perjalanan dari satu kawasan ke kawasan lain
 - Mempunyai sumber makanan yang sangat banyak
 - Membekalkan banyak lumpur hitam untuk pertanian ketika banjir
12. Lembah Indus mempunyai dua musim yang ekstrem, iaitu
- musim salji yang sangat sejuk.
 - musim hujan yang menyebabkan banjir.
 - musim kering yang menyebabkan kemarau.
 - musim luruh yang menyebabkan suasana menarik.
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

Soalan 13 berdasarkan rajah di bawah.

Lembah Sungai	Tamadun awal dunia
Sungai Huang He	Huang He
X	Indus

13. Apakah X?
- Sungai Nil
 - Sungai Indus
 - Sungai Tigris
 - Sungai Euphrates
14. Gambar berikut menunjukkan binaan piramid yang dikenali sebagai zigurat.



Apakah fungsi binaan tersebut kepada masyarakat Tamadun Mesopotamia?


- Negara kota
 - Tempat beribadat
 - Benteng pertahanan
 - Kawasan perkuburan raja
15. Antara berikut, yang manakah negara-kota yang mempunyai keluasan wilayah terbesar di Yunani?
- Athens
 - Sparta
 - Corinth
 - Olympia
16. Maklumat berikut merujuk keanggotaan satu badan pemerintahan dan pentadbiran di Athens.



Apakah X?

- Juri
- Majlis
- Majistret
- Dewan perhimpunan

Soalan 17 berdasarkan rajah di bawah.



17. Mengapakah dalam Tamadun Yunani berlaku perubahan pentadbiran seperti dalam rajah di atas?
- Memenuhi tuntutan rakyat
 - Memansuhkan sistem tradisional
 - Menguatkan sistem pemerintahan
 - Memperkenalkan kepelbagaian bentuk pentadbiran
18. Dalam sistem peperiksaan Tamadun China, seseorang itu
- dapat meningkatkan taraf sosial.
 - dapat menyertai delegasi ke luar negara.
 - dapat mengumpul harta yang banyak.
 - dapat meningkatkan hubungan sosial.

19. Pembukaan semula kota Makkah yang dipimpin oleh Nabi Muhammad SAW telah memberikan kesan kepada umat Islam. Antara berikut, apakah kesan daripada pembukaan semula Kota Makkah?
- I Makkah menjadi kota suci umat Islam sehingga kini
 - II Makkah berkembang maju
 - III Lebih ramai yang memeluk agama Islam
 - IV Nabi Muhammad SAW meluaskan pengaruhnya
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Soalan 20 berdasarkan gambar di bawah.



20. Apakah sumbangan tokoh ilmuan Islam di atas kepada perkembangan Tamadun Islam?
- A Tokoh perubatan yang terkenal
 - B Memperkenalkan asas ilmu trigonometri
 - C Pengasas ilmu algebra
 - D Ilmu geografi